

Dr. Mahathir nasihat pemimpin tidak tercalon terima hakikat

Utusan Online

12 April, 2013

KUALA LUMPUR 11 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan pemimpin politik yang tidak dicalonkan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 supaya menerima hakikat mereka tidak terpilih dan harus berhenti apabila tiba masanya.

Katanya, walaupun tidak terpilih pemimpin berkenaan perlu terus memberi sokongan kepada calon-calon Barisan Nasional (BN) lain yang menggantikan mereka supaya parti itu boleh mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kalau betul mereka sayangkan parti, maka mereka perlu menerima dengan hati terbuka dan terus menyokong parti dan calon yang dipilih menggantikan mereka," katanya dalam program Soal Jawab di TV3 yang dikendalikan Pengarah Eksekutif Operasi Berita dan Editorial Media Prima, Datuk Ahmad A. Talib malam tadi.

Dr. Mahathir berkata, sekiranya seseorang pemimpin tidak lagi memberikan sokongan hanya kerana tidak terpilih menjadi calon, jelas menunjukkan perjuangan yang dibawa pemimpin berkenaan hanya semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

Kepada soalan mengenai pakatan pembangkang, beliau berkata, mereka mempunyai masa agak lama untuk berbincang mengenai sebarang perbezaan di dalam parti masing-masing malah boleh membentuk parti campuran seperti BN namun perkara itu tidak pernah berlaku.

Beliau berkata, ini kerana pakatan pembangkang masing-masing masih membawa pendirian dan matlamat berbeza sama sekali sehingga menyebabkan penyatuan sukar dilakukan selain hanya mahu bekerjasama ketika pilihan raya.

"Ini amat berbeza dengan BN yang mengadakan persefahaman antara semua parti komponen. BN mempromosikan konsep berkongsi antara kaum dan mengorbankan sedikit supaya rakan-rakan yang lain mendapat sesuatu dan semua menerima nikmat daripada perkongsian ini.

"Bagi parti lawan pula terbahagi. Ada yang kononnya berjuang untuk Islam, yang satu lagi berjuang untuk meritokrasi dan yang satu lagi mahu berebut jawatan Perdana Menteri. Jadi tidak ada penyatuan dalam pakatan kerana masing-masing ada hasrat berbeza," jelasnya.

Dr. Mahathir menambah, pakatan pembangkang jelas sukar bersatu seperti BN kerana mereka masih menggunakan simbol masing-masing dalam pilihan raya sekali gus memberi makna pembangkang masih kekal dengan pendirian sendiri.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_07/Dr-Mahathir-nasihat-pemimpin-tidak-tercalon-terima-hakikat#ixzz2a0QgCKJi

©

Utusan

Melayu

(M)

Bhd

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_07/Dr-Mahathir-nasihat-pemimpin-tidak-tercalon-terima-hakikat